




# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



## TAJUK ; KEBAHAGIAAN ABADI



ISLAMIC SAVOIR OBEIDENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor



## "KEBAHAGIAAN ABADI".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَأَبْتَعُ فِيمَا ءَاتَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.</p>	5
<p>Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "<b>KEBAHAGIAAN ABADI</b>".</p>	6



Kebahagiaan adalah perkara yang subjektif menjurus kepada perasaan gembira, damai dan tenang. Perasaan ini bukanlah dijamin berada di dalam diri semua manusia sebaliknya boleh diraih meskipun bagi golongan fakir dan miskin. Ada orang yang merasa bahagia dan tenang kerana memiliki harta yang banyak atau melakukan kerja dakwah dan kebajikan. Manakala ada yang merasa bahagia dengan jawatan dan kedudukan. Jelasnya menunjukkan ada pelbagai tafsiran dan ungkapan bahagia yang boleh disimpulkan pengertiannya.

7

Menurut Imam al-Ghazali, bahagia adalah ketika manusia berada di puncak ketakwaan dan ianya merupakan sebesar-besar nikmat yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Oleh itu, dalam melayari bahtera kehidupan, setiap manusia tercari-cari apakah erti sebenar kebahagiaan hidup? Namun, tidak semua manusia menemuinya kerana tidak memahami maksud sebenar kebahagiaan itu. Apabila kita memahami hakikat kebahagiaan, kita tidak merasa tertarik dengan kenikmatan dan habuan dunia. Lumrahnya, kehidupan pada hari ini membuatkan semakin ramai manusia lebih mementingkan harta benda, mengejar kemewahan berbanding kebahagiaan hidup. Begitu juga, populariti menjadi keutamaan hidup untuk disanjung dan dipuji meskipun jauh dilubuk hati tidak merasai ketenangan dan kebahagiaan, ibarat untung ada tuah tiada.

8

Syariat Islam amat menitikberatkan soal kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Ini kerana, kejayaan hidup di dunia merupakan jambatan menuju akhirat yang kekal abadi. Kebahagiaan dalam Islam meliputi ketaqwaan kepada Allah SWT, melakukan kebaikan kepada orang lain, syukur dan reda dengan ujian, menjaga hubungan dengan Allah SWT serta mencari keseimbangan hidup di dunia dan di akhirat. Manakala, mendambakan kebahagiaan di dunia merupakan asas lahirnya generasi yang bertaqwa yang mewarisi kecemerlangan umat manusia.

9



Hadis daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW sentiasa berdoa kepada Allah SWT agar dikurniakan kebaikan di dunia dan juga kebaikan di akhirat. Doa ini juga disebut dalam al-Quran, surah al-Baqarah ayat 201:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

10

*"Ya Allah! Ya tuhan Kami! kurniakan kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan jauhkanlah kami dari azab api neraka-Mu, Ya Allah!"*

11

Apabila kita menghayati konsep kebahagiaan dalam Islam, ianya anugerah ketenangan hati dan ketenteraman jiwa yang dikurniakan Allah SWT kepada hamba-Nya. Namun, kurniaan ini perlu direnung secara mendalam dengan memahami kebahagiaan hidup di dunia tidak kekal dan jauh bandingannya dengan kehidupan akhirat yang kekal abadi.

12

Begitu juga, kenikmatan dan kebahagiaan di dunia merupakan ujian kepada manusia berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 7 :

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لِّهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

13



*"Sesungguhnya Kami telah menjadikan apa yang di bumi sebagai perhiasan baginya, agar Kami menguji mereka siapakah di antara mereka yang paling baik perbuatannya" .*

14

Sesungguhnya kebahagiaan hidup di dunia ini bersifat sementara kerana Allah SWT tidak menjadikan dunia sebagai matlamat hidup manusia. Namun, dunia merupakan bekalan menuju kebahagiaan hakiki. Oleh itu, berpadalah mencari kenikmatan dunia. Jangan sampai melupakan akhirat yang kekal abadi. Hidup yang berlandaskan aturan Ilahi menjadikan kita merasai nikmat kedamaian dan kebahagiaan sejati. Ketahuilah, kemewahan hidup dengan wang ringgit, pangkat, kedudukan, harta benda dan anak-anak belum menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Ini kerana, kebahagiaan hakiki tidak bersandar kepada memiliki harta benda semata-mata, tetapi ia berkaitan dengan tujuan dan matlamat utama kita diciptakan oleh Allah SWT.

15

Firman Allah SWT dalam surah Al-Dhariyat ayat 56 :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

16

*"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu".*



Ada ketikanya, demi mengejar kemewahan duniawi, ramai yang sanggup mengorbankan kebahagiaan diri dan insan yang berada disekeliling. Bekerja siang dan malam ibarat kaki naik kepala tanpa mempedulikan masa bersama keluarga, ibubapa dan saudara-mara. Manakala, hubungan ukhuwah di antara tetangga dan sahabat diabaikan dan dilupakan. Akhirnya, hubungan kekeluargaan dan persahabatan menjadi renggang dan jauh sekali wujud kasih sayang dan kebahagiaan.

17

Renungkan firman Allah SWT dalam surah al-Thaghaabun ayat 15 :

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

18

*"Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu hanyalah menjadi ujian dan disisi Allah jualah pahala yang besar."*

19

Kebahagiaan merupakan nikmat anugerah Allah SWT yang tiada nilainya. Anugerah ini tidak diberikan kepada mereka yang sentiasa mengabaikan hukum-Nya. Kebahagiaan ini hanya diberikan kepada mereka yang hampir dan berusaha mendekatkan diri kepada Allah SWT. Bagi mukmin yang beriman, kebahagiaan hidup akan hadir apabila menyakini setiap rezekinya telah ditentukan oleh Allah SWT, maka segala pemberian Allah SWT adalah yang terbaik untuk dirinya.

20



Oleh itu, ia akan merasa tenang dengan meyakini qada dan qadar ketentuan dari Allah SWT. Sebaliknya bagi mereka yang tidak beriman kepada Allah SWT akan sentiasa merasa gelisah, bimbang dan sedih kerana tidak memiliki keimanan kepada takdir-Nya. Begitu juga, setiap mukmin perlu selalu bersedia dengan musibah dan ujian yang datang pada bila-bila masa. Jika berhadapan dengan sesuatu musibah, hatinya telah bersedia menerima ujian dengan sabar. Secara tidak langsung ia **merasakan** kebahagiaan dalam hati orang-orang beriman.

21

Orang yang beriman sangat yakin bahawa kehidupan di dunia tidak kekal, oleh itu hatinya tidak teruja apabila mendapatkannya dan tidak bersedih apabila kehilangannya. Sebaliknya, bagi mereka yang tidak beriman hatinya selalu lalai dan tenggelam dalam kenikmatan duniawi. Apabila ditimpa ujian mereka merasakan sangat berat untuk ditanggung dengan hati yang jauh dan kosong daripada mengingati Allah SWT. Oleh itu, kelompongan rohani mereka telah diisi dengan sifat bimbang dan risau takut kehilangan nikmat dunia.

22

Bagi menjamin kelangsungan kebaikan hidup di dunia dan bahagia di akhirat dengan menjana kehidupan yang cemerlang, kita perlu konsisten bertaubat serta berazam untuk meninggalkan segala kesalahan dan dosa-dosa besar ataupun kecil dengan mempelajari dan mempertingkatkan ilmu, menyesal atas perbuatan dosa-dosa yang lalu serta bertekad tidak mengulangnya. Di samping itu, kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat dapat dibina dengan kefahaman terhadap ajaran Islam yang syumul dan mempelajarinya, mengenali zat Allah SWT serta mengetahui sifat-sifat kesempurnaan-Nya.

23



Dengan itu, roh dan jiwa akan diisi dengan ketaatan dan ketaqwaan yang mendorong melakukan amalan soleh dan menjauhi segala larangan sehingga terbinanya rasa cinta kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Ia memupuk sifat cintakan agama serta rela berjuang dan menjunjung tinggi syiar dan ajaran Islam.

24

Kebaikan juga akan muncul apabila kita sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah SWT. Bersyukurlah dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT meskipun dilihat kurang dimata manusia. Yang besar itu tidak semestinya bahagia, yang cantik belum tentu kekal namun dengan bersyukur jiwa akan tenteram dan bahagia. Sehubungan itu, tidak salah mengambil sebahagian daripada kenikmatan dunia asalkan digunakan sebagai bekalan untuk meraih kebahagiaan akhirat yang kekal abadi. Jadikan dunia sebagai destinasi persinggahan sementara, sebelum menuju ke alam yang kekal abadi. Ini kerana dunia bukan matlamat utama dalam kehidupan kita.

25

Daripada Abdullah bin Umar Radhiallahuanhuma meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ

26

*"Jadilah **hidup** engkau di dunia seperti orang asing atau musafir".*

*(Riwayat Imam al-Bukhari).*



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah yakin dan berpegang bahawa beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia adalah satu tuntutan untuk kebahagiaan yang kekal abadi.
2. Umat Islam hendaklah yakin bahawa apabila hati dan akal tunduk pada ketetapan ilahi maka kebahagiaan dan ketenangan akan menjadi miliknya yang menjadikan kebahagiaan selama lamanya.
3. Umat Islam yang tahu tujuan kehidupan sebenar yang hakiki dan abadi akan sentiasa tenang, reda, syukur dan bertawakal dengan ketentuan Ilahi.

27

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ بَاقٍ وَلَنَجْزِيَنَّ الَّذِينَ صَبَرُوا أَجْرَهُمْ  
بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

28

*"(Sebenarnya) apa yang ada pada kamu akan habis dan hilang lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal; dan sesungguhnya Kami membalas orang-orang sabar dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan."*

29

*(surah al-Nahl :ayat 96)*



<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
	اللَّهُمَّ اصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah! kami berindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	11



<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٩١﴾</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٢﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15